



Edisi March 2006

Buletin P&P

UTM Lancarkan Dana Pembangunan Pengajaran (DPP) dan Anugerah Pengajar Terbaik (APT)

Pengajaran dan Pembelajaran (P&P) merupakan agenda utama sesebuah institusi pengajian termasuklah institusi pengajian tinggi (IPT). Universiti Teknologi Malaysia (UTM) tidak terkecuali dalam menjadikan P&P sebagai fokus utamanya. Pelbagai usaha telah dirancang dan dilaksanakan untuk meningkatkan kualiti P&P di UTM. Kebanyakan usaha dan hasrat universiti ini dilaksanakan menerusi Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik) dan Pusat Pengajaran dan Pembelajaran (CTL) yang sentiasa giat dalam meningkatkan kualiti P&P di kalangan pensyarah dan pelajar.



Sidang Redaksi

Ketua Editor

Prof. Dr. Mohd Salleh bin Abu
(p-salleh@utm.my)

Editor

PM Dr. Mohamed Noor Hasan
(mnoor@utm.my)

PM Dr. Mohd Zaki Kamsah
(r-zaki@utm.my)

PM Khairi Izwan bin Abdullah
(m-khairi@utm.my)

Dr. Jamalludin bin Hj. Harun
(p-jamal@utm.my)

En. Muhamad Afandi bin Hamzah
(m-afandi@utm.my)

Pembantu Penerbitan

En. Jeffri bin Abdul Rahman
(jeffri-ar@utm.my)

Pn. Sati Zaitun bt. Harjin
(pactl@utm.my)

Pn. Azila bt. Kamis
(azilakamis@utm.com)

Pn. Norlia bt. Mahmud
(nliya@utm.my)

Cik Noraini bt. Khalid
(noraini-k@utm.my)

Cik Fadillah bt. Ibrahim
(fdilah@utm.my)

Cik Ili Ruwaida bt. Md Yusof
(iliruwaida@utm.my)

Mohamad Faizi bin Pasimon
(faizi@utm.my)

Terbitan

Pusat Pengajaran dan Pembelajaran
(CTL),
Canseleri,
Bangunan Pusat Siswazah (F54),
81310 UTM Skudai.
Tel.: 07-5537857/51
Faks: 07-5537860

Versi elektronik:
wwwctl.utm.my/buletin

P&P di IPT merupakan suatu proses yang penting dan berkeupayaan meninggalkan suatu kesan yang mendalam di dalam diri pelajar. Oleh yang demikian, usaha untuk meningkatkan kualiti P&P seharusnya dilaksanakan menerusi proses penyelidikan yang dilaksanakan sendiri oleh pensyarah di IPT tersebut. Bagi menyokong pelaksanaan penyelidikan yang berfokuskan kepada P&P, IPT seharusnya menyediakan skim bantuan kewangan kepada pensyarah yang berminat. Berdasarkan kesedaran ini, UTM telah merancang dan menawarkan **Dana Pembangunan Pengajaran (DPP) atau Instructional Development Grant (IDG)** untuk pensyarah UTM yang berminat menjalankan penyelidikan berkaitan dengan P&P. Tanggungjawab menguruskan dana ini diletakkan di bawah pengurusan Pusat Pengajaran dan Pembelajaran (CTL).

Dana ini akan membiayai staf akademik sama ada secara individu mahupun berkumpulan untuk melakukan aktiviti pembangunan yang menyumbang kepada inovasi, keberkesanan dan peningkatan kualiti proses P&P di UTM. Dana ini bertujuan untuk membantu staf akademik bagi:

- usaha-usaha penambahbaikan kualiti dan keberkesanan pengajaran di UTM.
- meningkatkan keberkesanan proses pembelajaran melalui inovasi dalam pengajaran di UTM.
- meningkatkan kemahiran dan kerjasama dalam bidang pengajaran dan pembelajaran di kalangan staf akademik di UTM.
- menambahkan penerbitan dalam jurnal berkaitan P&P di kalangan staf akademik.

Jumlah maksimum dana yang boleh dipohon adalah sebanyak **RM5,000.00** (Lima Ribu Ringgit) bagi seorang staf/kumpulan. Tempoh dana adalah untuk jangka masa satu tahun. Bidang-bidang kajian yang boleh dipertimbangkan adalah seperti berikut:

- Pembinaan bahan-bahan pengajaran termasuk pembangunan perisian
- Penilaian dan pentaksiran

- Pedagogi dan strategi pengajaran
- Penggunaan teknologi dalam pengajaran
- Keberkesanan pembelajaran pelajar
- Pembangunan pelajar misalnya kemahiran generik dan gaya belajar pelajar
- Dasar dan polisi P&P di UTM

Permohonan boleh dilakukan dengan menggunakan borang yang boleh didapati di fakulti masing-masing, pejabat Pusat Pengajaran dan Pembelajaran (CTL) atau laman web CTL di alamat <http://wwwctl.utm.my/dpp/>. Borang yang telah lengkap diisi hendaklah dihantar ke pihak fakulti (pejabat Timbalan Dekan Akademik) sebelum tarikh tutup pada **30 April 2006 dan 30 September 2006**.

Selain dari bantuan dalam bentuk kewangan, universiti juga berhasrat untuk menjadikan usaha peningkatan P&P di kalangan pensyarah sentiasa berjalan lancar dan berterusan agar ianya menjadi suatu budaya di kalangan pensyarah UTM. Oleh yang demikian, usaha pensyarah seharusnya dihargai agar ianya dapat memotivasi mereka untuk terus berusaha dengan lebih giat dan aktif lagi. Bagi menghargai mereka, universiti menerusi Pusat Pengajaran dan Pembelajaran (CTL) telah mengadakan satu anugerah khas yang dinamakan **Anugerah Pengajar Terbaik (APT)** yang bertujuan untuk menghargai dan mengiktiraf staf akademik yang telah mencapai kecemerlangan dalam pengajaran di UTM. Anugerah ini diberikan kepada DUA orang staf akademik yang telah menunjukkan pencapaian cemerlang dalam pengajaran dan pembelajaran pada setiap tahun.

Antara lain anugerah ini bertujuan untuk:

- menggalakkan dan memupuk inovasi dalam pengajaran di UTM
- meningkatkan suasana pembelajaran bagi pelajar melalui pembangunan amalan pengajaran berkualiti
- meningkatkan kaedah pengajaran dan pembelajaran yang lebih berkesan melalui aktiviti berkumpulan, pembelajaran aktif dan hubungan pelajar-pensyarah yang positif.

lihat mukasurat 2

Baru-baru ini Universiti telah melancarkan dua inisiatif yang memberi erti yang agak besar dalam meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran di universiti ini. Pertama ialah Anugerah Pengajar Terbaik (APT) yang merupakan suatu penghargaan dan pengiktirafan kepada staf akademik yang telah menunjukkan kecemerlangan dalam pengajaran di UTM. Sebenarnya pemberian anugerah seperti ini bukanlah sesuatu yang asing bagi dunia akademik kerana ianya memang telah lama diamalkan di universiti-universiti terkemuka di seluruh dunia. Tujuan utama anugerah ini ialah untuk menggalakkan dan memupuk inovasi dalam pengajaran di UTM dan menggalakkan kaedah pengajaran yang lebih berkesan dan berkualiti. Pencalonan boleh dibuat oleh fakulti, pensyarah, staf sokongan atau pelajar. Adalah diharapkan melalui anugerah ini kita akan dapat mengenengahkan dan memberi pengiktirafan kepada tokoh-tokoh akademik yang menunjukkan inovasi dan dedikasi yang tinggi dalam pengajaran mereka supaya boleh dijadikan contoh yang baik kepada rakan-rakan yang lain.

Editorial

Inisiatif kedua ialah pengwujudan apa yang dipanggil Dana Pembangunan Pengajaran (DPP) yang juga pertama kali diperkenalkan di universiti ini. Sebelum ini pensyarah yang ingin menjalankan penyelidikan dalam bidang pengajaran dan pembelajaran cuma boleh memohon geran jangka

panjang melalui mekanisme IRPA atau menggunakan geran penyelidikan fundamental. Mulai sekarang, pensyarah yang berminat untuk membuat penyelidikan atau mencuba sesuatu inovasi dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran boleh memohon untuk menggunakan satu lagi sumber kewangan. Prosedur permohonan untuk memperolehi geran ini telah dipermudahkan dan sesiapa sahaja boleh memohon sama ada secara individu atau berkumpulan. Walaupun jumlah peruntukan bagi setiap projek adalah kecil, kerana universiti ingin menggalakkan penglibatan seberapa ramai pensyarah, ianya sudah mencukupi untuk mencetuskan idea-idea baru dan inovatif. Tambahan pula, tempoh permohonan akan dibuka dua kali setahun. Jadi, ambillah peluang ini untuk mencuba atau menyelidik sesuatu yang baru yang boleh meningkatkan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran.

LAWATAN KERJA KE AUSTRALIA

CTL sentiasa berusaha untuk memantapkan operasi dan aktiviti yang dijalankan bagi melaksanakan program yang membantu kecekapan dan keberkesanan staf akademik dalam tugas-tugas pengajaran dan pembelajaran. Sehubungan dengan itu satu lawatan kerja telah dilakukan ke pusat-pusat dan unit yang terlibat dengan pengajaran dan pembelajaran di universiti ternama Australia pada 3 – 13 hb Disember 2005 yang lalu.

Lawatan yang disertai oleh Dekan dan Timbalan Dekan (II) CTL ini membolehkan CTL mempelajari secara terperinci mengenai polisi, perancangan perlaksanaan aspek-aspek pengajaran dan pembelajaran yang diamalkan di universiti terkemuka di Australia dalam isu-isu berikut:

- Peningkatan pengajaran dan pembelajaran pendidikan tinggi
- Penilaian Pengajaran dan Pembelajaran
- Program pembangunan staf akademik
- Pengalaman pelajar tahun pertama (First Year Experience)
- Atribut graduan dan kemahiran generik di kalangan pelajar

Antara tempat-tempat yang telah dilawati adalah Griffith Institute for Higher Education (GIHE) di Universiti of Griffith, Centre for Educational Development and Interactive Research (CEDIR) di University of Wollongong, Academic Development Unit (ADU) di La Trobe University dan Centre for Learning and Teaching Support di Monash University.



Dekan CTL sedang berbincang dengan Dr. Linda Conrad di Griffith University

Perbincangan di Academic Development Unit, LaTrobe University



Perbincangan dengan Profesor Denise Kirkpatrick, Pro-Vice Chancellor LaTrobe University



Sambungan dari mukasurat 1

Pemenang anugerah setiap satu akan menerima wang tunai berjumlah **RM 5,000.00** (Lima Ribu Ringgit), sijil, medal dan geran sebanyak **RM2,000.00** (Dua Ribu Ringgit) untuk aktiviti penambahbaikan dan inovasi dalam bidang pengajaran dan pembelajaran.

Profesor, Profesor Madya, Pensyarah Kanan dan Pensyarah yang berkhidmat secara tetap atau kontrak di UTM dan mencapai min skor Penilaian Pengajaran Pensyarah (PPP) melebihi min skor universiti untuk TIGA (3) semester terakhir layak dicalonkan. Pencalonan boleh diterima dari salah satu mereka yang berikut:

- Pelajar prasiswazah (aliran perdana) dan diploma yang sedang berada di tahun akhir pengajian
- Pelajar pascasiswazah yang telah mengikuti sekurang-kurangnya dua semester pengajian

- Jabatan/Fakulti, staf akademik atau staf sokongan.

Calon untuk anugerah mesti dicadangkan oleh sekurang-kurangnya lima orang pencadang. Salah seorang dari yang lima mestilah staf akademik atau pelajar. Tarikh tutup pencalonan adalah pada **17 Mac 2006**. Borang yang telah lengkap diisikan harus dihantar ke pihak fakulti (pejabat Timbalan Dekan Akademik). Borang pencalonan dan maklumat lanjut boleh diperolehi di fakulti masing-masing, pejabat Pusat Pengajaran dan Pembelajaran (CTL) atau laman web CTL di alamat <http://www.ctl.utm.my/apt/>.

Diharapkan usaha universiti ini dapat membantu pensyarah UTM mempertingkatkan keberkesanan proses P&P dan memartabatkan UTM sebagai peneraju dalam kecemerlangan P&P.

MINGGU PENILAIAN PENGAJARAN PENSYARAH (PPP) SEMESTER II SESI 2005/2006

Proses Penilaian Pengajaran Pensyarah (PPP) secara konvensional (menggunakan Borang PPP) dan elektronik (Sistem e-PPP) bagi semester II sesi 2005/2006 dilaksanakan serentak selama tiga (3) minggu bermula pada tarikh 20 Feb hingga 10 Mac 2006 di seluruh fakulti dan Pusat Pengajian UTM.

Semua pelajar kanan (Tahun dua dan keatas) masih menggunakan Borang PPP sementara pelajar yang mengambil subjek Tahun Satu menggunakan Sistem e-PPP untuk menilai pengajaran pensyarah pada semester berkaitan.

Pihak urusetia (CTL) memohon kerjasama sepenuhnya daripada Fakulti dan Pusat Pengajian untuk memantau dan memastikan perjalanan proses penilaian pengajaran pensyarah ini dapat berjalan lancar dan mencapai peratus yang dikehendaki.

Panduan Menggunakan Sistem E-learning UTM Cara Mudah dan Pantas

Moodle merupakan perisian sistem pengurusan e-pembelajaran (e-learning) yang digunakan secara rasmi di UTM sejak tahun 2004. Sistem yang boleh dicapai di alamat <http://elearning.utm.my> ini menawarkan pelbagai kemudahan yang membolehkan proses pengajaran dan pembelajaran menerusi web bukan sahaja menjadi lebih menarik dan interaktif tetapi juga lebih berkesan.

Bagi membantu dan menggalakkan penggunaan sistem e-learning ini di kalangan pensyarah dan juga pelajar, pelbagai usaha berterusan telah dilakukan oleh pihak universiti. Selain dari mengadakan kursus-kursus yang berkaitan, kini pensyarah UTM juga boleh belajar bagaimana menggunakan sistem e-learning UTM terus di dalam sistem yang digunakan. Pusat Pengajaran dan Pembelajaran (CTL) telah membangunkan satu sistem tutorial berasaskan pendekatan multimedia interaktif dan simulasi bagi tujuan tersebut. Tutorial tersebut boleh digunakan oleh pensyarah untuk mendalami dan seterusnya menguasai kemudahan-kemudahan yang disediakan di dalam sistem e-learning UTM. Mereka bukan sahaja boleh menonton bagaimana setiap kemudahan tersebut boleh tetapi juga berpeluang untuk mencuba aktiviti yang disediakan bagi tujuan pengukuhan.

Tutorial tersebut boleh dicapai menerusi pautan bertajuk "Moodle: An Interactive Multimedia Tutorial" di dalam mata pelajaran "E-Learning Guide" yang didaftarkan secara automatik untuk capaian semua pensyarah UTM. Modul-modul di dalam tutorial tersebut akan ditambah dari masa ke semasa. Diharapkan ianya sedikit sebanyak dapat membantu pensyarah untuk mengoptimalkan penggunaan e-learning dan seterusnya membentuk satu persekitaran pembelajaran yang lebih menarik dan bermakna.



SESI PENILAIAN DAN PENYELIAAN PROGRAM SPPT TAHAP 1 BAGI PENSYARAH BARU UTM

CTL telah berjaya menyempurnakan sesi Penilaian dan Penyeliaan Program Sijil Pengajaran Pengajian Tinggi (SPPT) Tahap 1 bagi pensyarah baru UTM (kumpulan pertama). Seramai tujuh (7) peserta telah berjaya melepasi sesi penilaian dan penyeliaan tersebut, dan layak dianugerahkan Sijil Pengajaran Pengajian Tinggi (SPPT) Tahap 1 oleh pihak universiti. Sesi Penilaian dan Penyeliaan ini dikendalikan oleh lima (5) penyelia yang diketuai oleh PM Dr. Yudariah bte Mohamad Yusof dan empat penilai lain iaitu Dr. Maslan bin Osman, Tn. Hj. Meor Ibrahim bin Kamaruddin, Pn. Roselainy bte Abd. Rahman dan Dr. Ong Chee Tiong.

Selanjutnya, CTL telah menganjurkan satu (1) Majlis Penyampaian Sijil Pengajaran Pengajian Tinggi kepada tujuh peserta tersebut pada 1 Mac 2006. Sijil SPPT ini ditandatangani oleh Yang Berhormat Timbalan Naib Canselor (Akademik) dan Tuan Pendaftar UTM.

Keputusan juga telah dibuat untuk meneruskan sesi Penyeliaan dan Penilaian Program SPPT Tahap 1 pada pengajian semester II sesi 2005/2006 ini kepada 17 peserta lain yang aktif mengajar pada semester ini dan belum mengikuti sesi Penilaian dan Penyeliaan tersebut.

KURSUS MOTIVASI STAF CTL

Bagi memastikan setiap ahli KAPPELA yang juga merupakan staf CTL sentiasa bersemangat dan bermotivasi dalam melaksanakan tugas-tugas seharian di pejabat, satu program yang dikenali sebagai Program Motivasi Staf Pusat Pengajaran dan Pembelajaran (CTL) telah dijalankan. Program selama 3 hari 2 malam ini telah dijalankan di Hotel The Emperor, Melaka pada 16 hingga 18 Disember yang lalu. Beberapa siri ceramah dan bengkel telah diadakan bertujuan untuk menyemak kembali amalan tugas semua staf di samping menyuntik semangat baru dan motivasi staf untuk terus bekerja dengan lebih dedikasi, tekun dan bertanggungjawab. Di samping mengikuti bengkel yang disediakan, ahli juga berpeluang mengikuti aktiviti sosial dan juga melawat lokasi-lokasi bersejarah di sekitar Bandaraya Melaka.



MAJLIS BBQ : PENUTUP TAHUN 2005

Bagi menghargai staf CTL yang telah bertungkus-lumus menunaikan tanggungjawab dengan penuh dedikasi di sepanjang tahun 2005, KAPPELA telah menganjurkan satu majlis penghargaan staf bersama keluarga masing-masing pada 31 Disember yang lalu bertempat di Dataran CTL, F54. Program ini merupakan acara penutup tahun 2005 anjuran KAPPELA dan telah dihadiri oleh seluruh keluarga dan staf Pusat Pengajaran dan Pembelajaran (CTL). Di samping itu, program ini juga bertujuan untuk merapatkan hubungan kekeluargaan dan silaturrahim di antara staf CTL dan keluarga CTL.

Pelbagai aktiviti telah diadakan seperti majlis BBQ, ramah mesra bersama keluarga dan pertandingan nyanyian untuk anak-anak, remaja dan dewasa. KAPPELA bercadang untuk meneruskan program kekeluargaan ini pada masa akan datang kerana ianya boleh dijadikan satu platform kepada kedua-dua pihak iaitu staf CTL dan keluarga beramah mesra antara satu sama lain.

PERLANTIKAN STAF BARU DAN PERPISAHAN STAF

Pihak CTL ingin mengucapkan selamat bertugas kepada 2 orang staf baru iaitu En. Jeffri bin Abdul Rahman yang telah dilantik sebagai Penerbit Rancangan (Juruanimasi) CTL berkuatkuasa pada 17 Ogos 2005 yang lalu dan Cik Ili Ruwaida bte Md Yusof sebagai Pembantu Tadbir (P/O) Sambilan. Dengan kehadiran En. Jeffri bin Abdul Rahman, beliau dapat membantu dalam proses multimedia dan penerbitan yang melibatkan pengajaran dan pembelajaran serta memperluaskan lagi bidang kerja Pusat Pengajaran dan Pembelajaran (CTL) di Universiti.



Selain daripada staf baru yang mula berkhidmat di CTL, pihak CTL juga kehilangan 2 orang staf yang berdedikasi dalam menjalankan tugas iaitu Cik Aziliah Ahmad (Pembantu Tadbir S/U) dan Cik Norlinda Ramlee (Pembantu Tadbir P/O). Cik Aziliah Ahmad kini telah bertugas di CICT manakala Cik Norlinda Ramlee telah menyambung pengajiannya di UiTM. Segala jasa dan pengorbanan yang dilakukan untuk CTL amatlah dihargai dan disanjung tinggi.



KURSUS PENERAPAN KEMAHIRAN GENERIK DI KALANGAN PELAJAR TAHAP II

Perlaksanaan Kemahiran Generik (Generis Skills) di kalangan pelajar dalam proses P&P adalah perlu, dan dengan itu CTL dan HRD telah menganjurkan Kursus Penerapan Kemahiran Generik Di Kalangan Pelajar Tahap II untuk membantu Pensyarah Universiti memahami dan menguasai kemahiran ini secara lebih mendalam lagi. Kursus yang berlangsung selama 2 hari pada 6-7 Disember 2005 memberi tumpuan kepada kemahiran penyelesaian masalah, pemikiran kritis dan kreatif, kemahiran penggunaan teknologi dan kemahiran bekerja secara berkumpulan. Penerapan kemahiran generik dalam pengajaran dan pembelajaran ini diharapkan dapat membantu pihak Universiti mengeluarkan graduan yang mempunyai atribut yang relevan dengan keperluan pasaran kerja semasa.

Kursus ini telah dikendalikan oleh para penceramah dan fasilitator yang terdiri daripada PM Dr. Shahrin Mohammad, PM Dr. Khairiyah Mohd. Yusof, PM Dr. Mohd Hamdan Ahmad, PM Dr. Madzlan Aziz, PM Abdul Rahim Md Yunus, PM Khairi Izwan Abdullah, Pn. Roselainya Abd. Rahman dan Pn. Maisarah Mohamad Saat. Penglibatan peserta dalam kursus ini amatlah memberangsangkan dan ia secara tidak langsung dapat membantu pensyarah universiti menguasai kemahiran yang diperlukan dan menerapkan kemahiran generik ini di kalangan pelajar universiti.

KURSUS PENASIHATAN AKADEMIK PELAJAR

Pada 6 dan 7 Disember 2005 yang lepas satu kursus untuk membantu staf akademik dalam menjalankan tugas sebagai Penasihat Akademik telah diadakan bertempat di Bilik Latihan, CTL. Kursus Penasihat Akademik Pelajar ini dianjurkan oleh Pusat Pengajaran dan Pembelajaran (CTL) dengan kerjasama Bahagian Pembangunan Sumber Manusia (HRD) UTM. Kursus yang dihadiri oleh 23 orang peserta ini amat penting bagi seseorang Penasihat Akademik untuk memastikan pelajar sentiasa mendapat maklumat dan nasihat yang tepat dan berterusan. Ini seterusnya dapat membantu mempertingkatkan prestasi akademik pelajar serta membantu pelajar menguasai kemahiran generik yang sesuai sebagai bakal graduan. Kursus ini diisi dengan ceramah serta bengkel yang dikendalikan oleh Prof. Dr. Johari Halim Shah bin Osman, PM Tn. Syed Mohd Shafeq bin Syed Mansor dan En. Ismaail bin Samat.

Diharapkan kursus ini dapat memberi pendedahan kepada peserta tentang pengetahuan dan kemahiran untuk membantu pelajar ke arah mencapai kemerlangan akademik.

KURSUS SIJIL PENGAJARAN PENGAJIAN TINGGI (SPPT) TAHAP 1 MODUL B : TAKSIRAN DALAM PEMBELAJARAN

Kursus Sijil Pengajaran Pengajian Tinggi (SPPT) Tahap 1 Modul B : Taksiran Dalam Pembelajaran telah berlangsung selama tiga hari bermula 6 hingga 8 Disember 2005 bertempat di Bilik Seminar 1, SPS. Penceramah/Fasilitator kali ini adalah terdiri daripada PM Dr. Yudariah Mohamad Yusof, PM Aziz Nordin, PM Dr. Aminaton Marto, Dr. Ong Chee Tiong dan Pn. Reselainya Abdul Rahman. Di akhir kursus, peserta telah memahami tujuan sebenar pentaksiran dalam pembelajaran,

memahami tujuan sebenar pentaksiran dalam pembelajaran, ciri-ciri utama prosedur mentaksir pembelajaran dan panduan dalam memilih kaedah taksiran yang sesuai. Ia sekaligus dapat membantu pensyarah baru menguasai pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan berkaitan dengan proses pentaksiran dalam pembelajaran.

KURSUS PEMBANGUNAN OBJEK PEMBELAJARAN DIGITAL

Pada 20 dan 21 Disember 2005, CTL dan HRD sekali lagi telah berjaya menganjurkan Kursus Pembangunan Objek Pembelajaran Digital yang berdasarkan pengajaran menggunakan teknologi khususnya teknologi multimedia dan internet. Kursus ini dijalankan untuk memperkenalkan pensyarah kepada konsep dan asas pembangunan objek pembelajaran digital bukan sahaja dari aspek bagaimana ianya dihasilkan tetapi juga boleh digunakan dalam meningkatkan keberkesanan proses P&P.

Kursus ini telah dikendalikan oleh Dr. Zaidatun Tasir, En. Nihra Haruzuan Mohd Said dan Dr. Jamalludin Harun. Peserta didedahkan dengan topik-topik seperti Konsep Asas Animasi dalam Pembangunan Objek Pembelajaran Digital, Mengintegrasikan Audio dan Video dalam Persembahan Animasi, Menghasilkan Animasi Ringkas bagi tujuan P&P (Shape Tweening) dan lain-lain.

KURSUS PENAMBAHBAIKAN P&P MENERUSI AMALAN REFLEKTIF

Kursus ini telah berlangsung pada 21 Disember 2005 bertempat di Dewan Seroja, Rumah Alumni UTM. Peserta telah didedahkan dengan pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan untuk merancang dan melaksanakan amalan reflektif P&P dengan berkesan. Seramai 17 orang peserta telah menghadiri kursus ini.

Topik yang terkandung di dalam kursus ini ialah Prinsip Asas dan Model Pengamal Reflektif yang dibentangkan oleh PM Dr. Ismail Omar, Strategi Pelaksanaan Amalan Reflektif dan Penambahbaikan berterusan dalam P&P oleh PM Dr. Mohd Yusof Arshad dan bengkel Penulisan Reflektif Kritis & Pembentangan Kumpulan yang dikendalikan oleh fasilitator Dr. Bahrin Abu.

Secara umumnya, kursus ini telah dapat membantu pensyarah universiti memahami dengan mendalam falsafah, konsep, objektif dan kemahiran membuat proses releksasi diri ke atas segala amalan P&P yang telah dilaksanakan bagi tujuan penambahbaikkkan berterusan.



KURSUS SIJIL PENGAJARAN PENGAJIAN TINGGI (SPPT) TAHAP 1 MODUL C : PENGAJARAN MENGGUNAKAN TEKNOLOGI

Seramai 24 orang pensyarah baru telah menghadiri Kursus Sijil Pengajaran Pengajian Tinggi (SPPT) Tahap 1 Modul C : Pengajaran Menggunakan Teknologi. Kursus selama 2 hari (22 – 23 Disember 2005) ini berlangsung di Makmal 1, CTL.

Secara dasarnya, kursus ini bertujuan memberikan pengetahuan dan kemahiran kepada pensyarah baru universiti untuk mempertingkatkan keberkesanan proses P&P melalui aplikasi teknologi. Penekanan telah diberikan khususnya dalam proses merancang, merekabentuk dan membangunkan objek atau bahan pembelajaran menerusi penggunaan perisian persembahan elektronik, pembangunan laman web dan juga perisian-perisian pembangunan teknologi multimedia.

Bagi menjayakan kursus ini pihak penganjur telah melantik 5 orang penceramah/fasilitator dari Fakulti Pendidikan dan seorang penceramah dari CTL sendiri. Mereka terdiri daripada PM Dr. Baharuddin bin Aris, Dr. Zaidatun bt Tasir, Pn. Norah bt Md. Noor, En. Mohd Nihra Haruzuan bin Mohd Said dan Dr. Jamalludin bin Harun. Para peserta telah dilatih mengenai aspek teori dan amalan berkaitan pengajaran menggunakan teknologi khususnya teknologi multimedia dan internet. Antara topik menarik yang dibentangkan dalam kursus ini ialah Asas Penyediaan Elemen Multimedia: Grafik Menggunakan Adobe Photoshop, Animasi Menggunakan Macromedia Flash serta Merekabentuk Bahan P&P Berbantuan Komputer.

KURSUS SIJIL PENGAJARAN PENGAJIAN TINGGI (SPPT) TAHAP 1 (MODUL D3) : PEMBANGUNAN PELAJAR

Tugas asas sebagai pensyarah universiti tidak hanya ketika berada dalam bilik kuliah. Pensyarah yang berkesan harus memahami aspek personal dan sosial pelajar. Memahami aspek-aspek ini amat penting bagi memastikan pelajar sentiasa mendapat maklumat dan nasihat yang tepat dan berterusan bagi mempertingkatkan prestasi akademik mereka, menyesuaikan diri dengan hidup di kampus dan di universiti serta melengkapkan diri dengan kemahiran generik yang diperlukan oleh setiap graduan.

Oleh yang demikian, pihak CTL dan HRD UTM telah berkerjasama menjalankan Kursus Sijil Pengajaran Pengajian Tinggi (SPPT) Tahap 1 (Modul D3): Pembangunan Pelajar pada 24 hingga 25 Januari 2006 bertempat di Bilik Latihan CTL. Kursus ini direkabentuk untuk pensyarah-pensyarah baru dan seramai 17 peserta telah menjalani kursus ini dengan jayanya.

Melalui ceramah yang dibentangkan di dalam kursus ini, ia dapat membantu pensyarah baru menguasai pengetahuan dan kemahiran untuk memberikan perkhidmatan yang dapat membangunkan pelajar dengan berkesan. Pensyarah universiti akan dapat memahami peranan dan perkhidmatan yang dapat ditawarkan dalam melaksanakan program pembangunan pelajar di universiti. Pada kali ini pihak penganjur telah menjemput 3 orang penceramah yang terdiri daripada Yg. Bhg. Prof. Dr. Rahmalan bin Ahmad, Prof. Madya Dr. Abdul Jalil bin Borhan dan Prof. Madya Dr. Madzlan bin Aziz.

KURSUS & LATIHAN PERSEDIAAN PENGAJARAN KEPADA PEMBANTU PENGAJAR (TEACHING ASSISTANT) DI UTM

Kursus & Latihan Persediaan Pengajaran Kepada Pembantu Pengajar (Teaching Assistant) di UTM merupakan satu kursus untuk pembantu pengajar UTM bagi memberikan sedikit panduan dan kaedah pengajaran yang efektif. Kursus yang berlangsung di Bilik Seminar 1, SPS selama 2 hari bermula dari 3 hingga 4 Januari 2006 ini memberi pendedahan kepada peserta dalam merekabentuk program pengajaran, kursus dan matapelajaran, psikologi pembelajaran, dinamik di bilik kuliah, kaedah pelajar belajar, persediaan ujian, penggredan, Pembelajaran Berasaskan Masalah, mengendalikan perbincangan dan pelbagai lagi kemahiran pengajaran.

Pihak penganjur telah menjemput Prof. Salleh Abu (Dekan CTL), PM Dr. Shahrin Mohammad, PM Dr. Mohamed Noor Hassan, PM Dr. Mohd Zaki Kamsah dan Tn. Hj. Meor Ibrahim Kamaruddin sebagai penceramah/fasilitator kursus. Diharapkan kursus ini dapat memberi latihan dan teknik pengajaran dan pembelajaran yang berkesan kepada pembantu pengajar sekaligus mempertingkatkan kualiti Pengajaran & Pembelajaran (P&P).

KURSUS PENGAJARAN MENGGUNAKAN TEKNOLOGI (E-PEMBELAJARAN)

Kursus e-learning untuk pensyarah telah diadakan pada 15 dan 16 Februari 2006 di Makmal Komputer, CTL. Kursus anjuran CTL dan HRD UTM ini bertujuan untuk memberi pendedahan dan latihan kepada pensyarah-pensyarah tentang konsep dan kaedah pelaksanaan e-learning dalam pengajaran dan pembelajaran. Program e-learning ini menggunakan perisian sumber terbuka Moodle sebagai Sistem Pengurusan Pembelajaran (LMS). Kursus telah dikendalikan oleh penceramah/fasilitator yang terdiri daripada PM Dr. Mohamed Noor Hasan, Dr. Jamalludin Harun, En. Zulkepli Muhammad dan En. Azmi Mohd Arshad. Di akhir kursus, peserta telah dapat menggunakan perisian Moodle dengan berkesan sekaligus dapat mengaplikasikan serta memasukkan rancangan pengajaran (L1) dan nota kuliah ke dalam sistem e-learning.

KURSUS MENGOPTIMUMKAN PENGGUNAAN PERISIAN PERSEMBAHAN ELETRONIK BAGI TUJUAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN

Pusat Pengajaran dan Pembelajaran (CTL) dengan kerjasama Unit Pembangunan Sumber Manusia (HRD) telah menjalankan satu kursus yang membimbing peserta mengoptimumkan penggunaan perisian persembahan elektronik di dalam proses pengajaran dan pembelajaran kepada staf yang mempunyai kemahiran komputer dan telah mengikuti kursus pengajaran menggunakan teknologi (e-pembelajaran). Kursus ini dapat membantu peserta merekabentuk persembahan elektronik bagi tujuan pengajaran dan pembelajaran, mengintegrasikan pelbagai elemen multimedia dan interaktiviti dalam persembahan serta menyimpan dan menyebarkan fail persembahan kepada umum.

Selain dari itu, peserta juga dibimbing untuk merekabentuk bahan P&P digital yang lebih berkualiti di samping menggunakan pendekatan pembelajaran aktif dalam proses P&P secara elektronik.

Kursus ini telah berlangsung pada 22 hingga 23 Februari 2006 di Makmal Komputer, CTL. Bagi kursus kali ini pihak penganjur telah menjemput Dr. Zaidatun Tasir, Pn. Norah Md. Noor dan Cik Zaleha Abdullah sebagai penceramah/fasilitator. Dengan terlaksananya kursus pembangunan profesional seperti ini peserta akan dapat membangunkan persembahan pengajaran dengan lebih berkesan menggunakan perisian persembahan elektronik pada masa akan datang.

ENGLISH LANGUAGE SUPPORT PROGRAMME (ELSP) FOR UTM STUDENTS

The Centre for Teaching and Learning (CTL) will be introducing an English Language Support Programme (ELSP) for all UTM students. The programme, which includes language enhancement activities, short courses and other support services, is intended to create an acquisition-rich environment in UTM that will encourage and support the wider use of English in the university. To this effect, a Unit Bahasa Inggeris or English Language Unit has been formed under CTL to oversee the planning and implementation of the programme.

As a pilot project, CTL, in collaboration with the Department of Modern Languages and the Faculty of Science, organised the ELSP for 169 first year Faculty of Science students. Two broad categories of activity were carried out in the programme – Short (two-hour) Courses and Language Support Activities over a period of about two months from 24 August to 7 October 2005.

The Short Courses, held on Wednesday afternoons, were aimed at developing general English language proficiency (e.g., Grammar Revision, Confidence Building through Speaking and Communicating in English), language skills for academic purposes (e.g., Paragraph Writing and Smart Note-Taking) and specific language-related skills (e.g. Dictionary Skills and Vocabulary Development).

Two types of Language Support Activities were offered, Help Desks and Friends of English. Help Desks, which were managed by English Language lecturers, provided one-to-one consultation sessions on grammar, writing assignments, oral presentation, etc., as well as general advice on language learning to any student who wished to seek assistance and advice on the use of English. Friends of English sessions, on the other hand, were managed by trained final year TESL (Teaching English as a Second Language) students who acted as Conversation Partners to students who wished to practise English through group or one-to-one conversation. Both the Help Desks and Friends of English sessions were held in the Bilik Perbincangan or Discussion Rooms in the Sultanah Zanariah Library.

PERKEMBANGAN TERKINI DALAM E-LEARNING


Objek Pembelajaran, Wiki dan Blog

Pembelajaran elektronik atau lebih kerap dipanggil e-learning adalah merupakan penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) bagi memudahkan pembelajaran. Di UTM e-learning telah dipraktikkan sebagai salah satu cara mempelbagaikan kaedah pengajaran yang sedia ada. Melalui kemudahan ini, pelajar boleh mengakses maklumat mata pelajaran, nota kuliah, menghantar tugas dan melakukan pelbagai aktiviti pembelajaran secara dalam talian (online) melalui rangkaian universiti. Dalam rencana ringkas ini, dan beberapa siri rencana dalam keluaran akan datang, kita akan membincangkan perkembangan-perkembangan terkini dalam e-learning untuk dikongsi bersama oleh semua pensyarah yang terlibat dengan penggunaan teknologi ini. Untuk siri pertama ini kita akan membincangkan mengenai tiga aplikasi yang sedang hangat diperkatakan dan cuba melihat contoh-contoh penggunaannya dalam e-learning. Aplikasi yang dimaksudkan ialah objek pembelajaran (learning object), wiki dan blog. Memandangkan ruang yang terhad, cuma penerangan ringkas sahaja dapat diberikan di sini. Pembaca adalah digalakkan untuk mengakses contoh-contoh dan keterangan lanjut yang boleh dicapai melalui laman web yang diberikan.

Objek Pembelajaran

Objek pembelajaran adalah merupakan komponen pengajaran yang kecil dan boleh diguna semula dalam konteks yang berlainan. Dengan menggunakan standard yang diterima pakai di peringkat antarabangsa, objek pembelajaran boleh dibuat supaya boleh diguna bersama oleh berbagai kursus dan aplikasi. Suatu metafor yang selalu digunakan untuk menggambarkan objek pembelajaran ialah seperti komponen dalam sejenis permainan kana-kanak LEGO. Entitinya cukup kecil dan boleh digabungkan berbagai cara bagi menghasilkan model-model yang berlainan.

Dalam keadaannya yang paling ringkas, suatu objek pembelajaran mungkin dalam bentuk teks, gambar, animasi, bunyi, klip video, aplet java atau sebarang format digital yang boleh diedarkan secara online. Objek pembelajaran yang baik perlu disertakan dengan maklumat (dalam bentuk metadata) tentang apa yang boleh dilakukannya supaya boleh diguna semula dalam modul atau kursus yang sama atau dalam kursus lain. Sebagai contoh, suatu animasi ringkas mengenai hukum gas, boleh digunakan dalam mata pelajaran fizik, kimia, kejuruteraan kimia dan lain-lain lagi. Rakaman bunyi seekor burung pula boleh digunakan dalam mata pelajaran biologi, alam sekitar atau muzik.



Contoh objek pembelajaran: animasi Hukum Boyle

Untuk memudahkan penggunaan semula dan perkongsian objek pembelajaran, telah wujud beberapa pangkalan data objek pembelajaran (Learning Object Repositories) yang mengumpulkan objek-objek yang telah dibangunkan dan boleh diakses oleh pengguna dari seluruh dunia. Beberapa contoh repository yang ada sekarang adalah seperti tersenarai di bawah:

- MERLOT (<http://www.merlot.org>)
- CAREO (<http://careo.ucalgary.ca/cgi-bin/WebObjects/CAREO.woa>)
- Maricopa learning exchange (<http://www.mcli.dist.maricopa.edu/mlx/>)
- WISCONSIN Online Resource Center (<http://www.wisc-online.com/>)

Anda boleh mencuba mana-mana objek pembelajaran yang terdapat dalam pangkalan data tersebut untuk digunakan dalam kelas yang anda dikendalikan.

Wiki

Wiki ialah laman web yang ditulis secara bersama oleh penggunaannya. Para pengguna sesebuah wiki yang sedang dibangunkan boleh memasukkan teks dan boleh menyunting teks yang dimasukkan oleh pengguna lain. Suatu contoh wiki yang paling berjaya ialah projek wikipedia (<http://www.wikipedia.org>) yang merupakan suatu usaha untuk mewujudkan himpunan artikel-artikel mengenai pelbagai topik dengan cara penyumbang dari seluruh dunia bekerjasama menyunting artikel berkenaan sehingga lengkap menjadi sebuah ensiklopedia terbuka. Statistik terakhir menunjukkan lebih daripada 1 juta artikel dalam Bahasa Inggeris telah

KALENDAR KURSUS PUSAT PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (CTL) SEHINGGA APRIL, 2006

BIL.	KURSUS	KATEGORI	PERKHIDMATAN	TARIKH
1.	Kursus & Latihan Persediaan Pengajaran Kepada Pembantu Pengajar (Teaching Assistant) Di UTM B Terbuka	B	Terbuka	3 – 4 Jan
2.	Kursus Sijil Pengajaran Pengajian Tinggi (SPPT) Tahap 1 (Modul D3) : Pembangunan Pelajar			24 – 25 Jan
3.	Pengajaran Menggunakan Teknologi E-Learning			15 – 16 Feb
4.	Mengoptimumkan Penggunaan Perisian Persembahan Elektronik Bagi Tujuan Pengajaran dan Pembelajaran (P&P)			22 – 23 Feb
5.	Kursus Sijil Pengajaran Pengajian Tinggi (SPPT) Tahap II (Modul D2) : Penerapan Kemahiran Generik Di Kalangan Pelajar	A	Staf Akademik yang akan menduduki TK4	28 Feb – 1 Mac
6.	Pengajaran Menggunakan Teknologi E-Learning	B	Terbuka	8 – 9 Mac
7.	Penerapan Kemahiran Generik di Kalangan Pelajar			21 – 23 Mac
8.	Mengoptimumkan Penggunaan Perisian Persembahan Elektronik Bagi Tujuan Pengajaran dan Pembelajaran (P&P)			28 – 29 Mac
9.	Kursus Sijil Pengajaran Pengajian Tinggi (SPPT) Tahap II (Modul D1) : Penasihat Akademik Pelajar	A	Staf Akademik yang akan menduduki TK3	29 – 30 Mac
10.	Pembelajaran Berasaskan Masalah (PBL) Lanjutan	B	Terbuka	5 – 6 April

* Nota : A (Kursus Kompetensi Wajib PTK Bagi Staf Akademik)

B (Kursus dan Latihan Pembangunan Profesional P&P)

Sambungan dari mukasurat 7

disediakan. Projek wikipedia ini juga terdapat dalam pelbagai bahasa utama dunia termasuklah Bahasa Melayu (<http://ms.wikipedia.org>) yang setakat ini telah menyiapkan lebih 12,000 artikel.



Wikipedia dalam Bahasa Melayu

Salah satu cara bagaimana wiki boleh digunakan dalam kelas ialah dalam penghasilan kertas kerja atau tugas secara berkumpulan. Setiap ahli dalam kumpulan berpeluang menulis terus ke dalam artikel yang sedang dibentuk tanpa perlu memindahkan fail dari server ke PC masing-masing dan sebaliknya. Kaedah ini juga boleh digunakan dalam kursus penulisan kerana komen dan maklumbalas daripada pensyarah boleh terus dicatitkan ke dalam wiki yang sedang dibina.

Anda boleh mencuba mewujudkan wiki sendiri melalui kemudahan yang disediakan, misalnya oleh seedwiki (<http://www.seedwiki.com/>) atau xwiki.com (<http://www.xwiki.com/>). Terdapat enjin wiki yang boleh dipasang pada server sendiri untuk digunakan oleh sesebuah institusi. Sila lihat <http://c2.com/cgi/wiki?WikiEngines> untuk senarai enjin wiki yang ada.

Blog

Weblog (atau ringkasnya blog) adalah merupakan catatan harian, refleksi, atau dairi seseorang individu dalam web. Ia membolehkan sesiapa saja membina laman web sendiri tanpa sebarang pengetahuan teknikal mengenai html. Dengan kata lain, blog adalah suatu bentuk penerbitan dalam talian (online publishing) atau jurnalisme web. Walaupun blog adalah suatu fenomena baru, penggunaannya di internet sudah begitu meluas termasuklah untuk tujuan pengajaran dan pembelajaran.

Blog boleh ditulis oleh seorang pengarang atau beberapa orang yang berkongsi sebagai pengarang bersama. Pengarang blog (blogger) boleh memilih sama ada hendak membenarkan tulisan atau komen mereka sahaja dicatatkan ataupun membenarkan orang lain (pembaca) memberikan komen mengenai artikel yang mereka tulis.

Dalam e-learning, blog boleh digunakan:

- Sebagai sumber idea atau maklumat mengenai sesuatu perkara atau topik.
- Untuk menyebarkan idea atau maklumat mengenai sesuatu perkara atau topik
- Untuk mewujudkan komuniti atau rangkaian individu yang mempunyai idea atau pemikiran yang sama

Seorang pelajar boleh menjadikan blog sebagai tempat untuk menyimpan nota peribadi mengenai pembelajaran mereka dan pautan kepada laman web yang berguna. Seorang pensyarah pula boleh menyimpan nota mengenai idea atau pengajaran mereka dan mungkin menggunakan blog untuk menyampaikan maklumat dan pengumuman kepada pelajar mereka.



Contoh penggunaan blog sebagai laman web untuk kursus.

Hari ini ada banyak syarikat yang menyediakan kemudahan untuk individu membangunkan blog secara percuma di internet. Contohnya:

- Blogger (<http://www.blogger.com>)
- Movable Type (<http://www.movabletype.org>)
- Typepad (<http://www.sixpart.com/typepad>)
- Radio Userland (<http://radio.userland.com>)

Sekiranya anda ingin melihat beberapa contoh blog yang berjaya, sila lihat senarai 100 blog paling berpengaruh di <http://www.blogstreet.com/biq100.html>.